



## **NOTIS MAKLUMAN**

Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) telah memuatnaik **Garis Panduan Penyediaan Dokumen May 2017** dan telah mengemaskini ruangan Borang Cagaran di dalam laman sesawang rasmi LPPSA bagi memudahkan urusan dokumentasi oleh firma guaman yang dilantik.

Firma guaman yang dilantik juga hendaklah memuatnaik **Jadual (Schedules)** bagi setiap dokumen melalui laman sesawang dan melengkapkannya sepertimana Garis Panduan yang telah disediakan. Sebarang pindaan selain dari yang diarahkan adalah **DILARANG** sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada LPPSA.

Sekiranya berlaku pertukaran firma guaman untuk urusan dokumentasi, firma guaman baru yang dilantik hendaklah mengemukakan **Surat Akujanji sebagai Pemegang Wang Pertaruhan** dan **Surat Lantikan daripada Pelanggan / Peminjam** dan dikemukakan bersama-sama dokumen yang dihantar kepada LPPSA bagi tujuan semakan dan tandatangan.

Firma guaman diingatkan supaya memastikan semua dokumen yang disediakan adalah lengkap dan teratur sebelum dihantar ke LPPSA untuk tujuan semakan dan tandatangan Wakil Kuasa LPPSA.

Notis makluman ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian.

Jabatan Cagaran  
05 June 2017